

14/03/2003

Pinjaman: Antara pengkritik dan mahasiswa holistik

Zam Wawasan

TERIMA kasih kepada Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, Haris Alimudin dan Mahasiswa Poli-IlmU di atas pandangan mengenai pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam ruangan ini.

Mereka dalam tulisan masing-masing mempertikaikan tulisan Pemuda Berwawasan dalam ruangan sama mengenai kadar faedah PTPTN.

Pada saya, tujuan Pemuda Berwawasan untuk melihat sejauh mana tahap pemikiran dan tindakan dari satu isu yang cuba diketengahkannya.

Beliau ingin melihat setakat mana dan apakah kajian yang dilakukan oleh mahasiswa terhadap pinjaman pendidikan. Mengapa beliau mengaitkan dengan bank?

Ada satu pertanyaan di sini. Siapakah yang bertanggungjawab dalam hal memberikan bantuan pendidikan kepada mahasiswa? Tentu kerajaan.

Soalan kedua, apakah tanggungjawab anda sebagai mahasiswa? Tentulah jawabannya belajar? Adakah setakat belajar dan lulus saja? Tentu bukan jawabannya.

Begitulah andaiannya untuk makluman mahasiswa. Pihak yang memberi mesti mengharapkan sesuatu yang baik.

Jika pencapaian yang ditunjukkan tidak membanggakan adakah ia memberi semangat kepada yang memberi? Jika kita berada pada keadaan sama, cuba bayangkan ibu bapa memberi wang saku untuk sara hidup di universiti. Namun, jika pencapaian anda kurang baik adakah mudah untuk anda meminta sesuatu yang lebih dengan pencapaian itu?

Dengan mencapai keputusan yang cemerlang iaitu kelas satu, PTPTN akan menukarkan pinjaman anda kepada biasiswa. Bukankah itu adalah penghargaan untuk diri anda.

Jangan kita hanya melihat sesuatu perkara itu secara tersurat.

Lihatlah

juga apa yang secara tersirat. Lihat bagaimana tahap pemikiran Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri sering melihat satu perkara itu dari pelbagai sudut. Bagi golongan intelektual haruskah kita melihat sesuatu perkara itu hanya dari satu sudut?

Jangan jadi seperti sesetengah masyarakat yang terlalu taksub apabila bercerita mengenai Islam.

Begitulah juga dengan contoh pembelian kenderaan dan rumah yang Pemuda Berwawasan berikan. Bukankah pembeli kereta dikenakan faedah apabila membuat pinjaman. Adakah itu riba?

Fikirkan secara mendalam pinjaman pembelian kenderaan, rumah, perniagaan dan sebagainya.

Pernah suatu ketika dulu, PTPTN mencadangkan agar pinjaman itu dikendalikan oleh bank.

Apa yang menariknya banyak pihak bersetuju dan di antaranya ialah Presiden PMUKM ketika itu, Abdullah Karim dan Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia, Khairun Najmi Ahmad.

Kenapa

pada ketika itu banyak pihak bersetuju dengan cadangan berkenaan?

Cuba lakukan sedikit kajian. Di sini, saya memberikan contoh pinjaman pendidikan yang menggunakan kaedah Islam.

Tidak perlulah dinyatakan bank mana, namun produknya dikenali  
Pembiayaan

Al Falah. Jumlah pembiayaan antara RM20,000 hingga RM50,000.

Untuk pengetahuan kadar bayaran balik bagi pinjaman RM19,000 adalah RM234 sebulan dengan tempoh bayaran selama 10 tahun. Jika melalui PTPTN adalah RM197.42 sebulan untuk tempoh yang sama, namun bagi pinjaman bernilai RM19,500.

Untuk perbandingan lagi kita boleh merujuk kaedah konvensional oleh sebuah bank yang memperkenalkan tiga pakej (XXX Study Loan Package).

Saya

hanya merujuk pada pakej yang termurah bayaran baliknya iaitu dengan pinjaman RM20,000 bayaran baliknya adalah RM241 untuk 10 tahun.

Tahukah mahasiswa kadar yang dikenakan oleh sebuah bank Islam di Malaysia.

Bukan setakat pembiayaan pendidikan malahan Baiti (perumahan), kenderaan dan sebagainya.

Adakah kadar bayaran dikenakan pada kadar yang sama jika PTPTN nanti dikendalikan oleh bank? Cuba fikirkan? Bagaimana nasib adik-adik kita? Apakah bezanya kaedah Islam dengan tidak Islam. Jawapannya tidaklah perlu dinyatakan kerana mahasiswa dewasa ini sudah pandai dan cerdik semuanya.

Lupakan seketika soal pinjaman bank. Tumpukan sepenuhnya pada pelajaran.

Memang, kerajaan bertanggungjawab terhadap isu ini. Namun adakah mahasiswa sedar tanggungjawab mereka?

Bukankah belajar itu tanggungjawab anda. Kepada mahasiswa berkenaan, insafilah dan ingatlah tujuan asal anda ke Menara Gading. Fikirkan harapan keluarga anda.

Saya mengakui kewangan menjadi masalah utama bagi pelajar di institusi pengajian tinggi, terutama Bumiputera. Tidak dinafikan ia mempengaruhi pencapaian pelajaran seseorang.

Tidakkah ini akan menaikkan lagi semangat seorang pelajar untuk lebih berjaya? Namun apa yang dipaparkan selalunya mendukacitakan. Berapa ramai yang gagal di tengah jalan? Berapa ramai yang mendapat kelas satu? Fikirkan!

Kepada pemimpin mahasiswa lupakan seketika perkara lain, tumpukan kepada peperiksaan yang sedang dihadapi.

PTPTN, adalah satu cabaran dan halangan kepada mahasiswa. Janganlah kerana masalah ini ia membantutkan usaha anda untuk mendapat pencapaian cemerlang.

Dengan mencapai keputusan cemerlang iaitu kelas satu, PTPTN akan menukarkan pinjaman anda kepada biasiswa. Bukankah itu penghargaan untuk

diri anda. Jadilah mahasiswa holistik dan mempunyai daya saing tinggi.  
ZAM WAWASAN,  
Kuala Lumpur.